

05/12/1999

MCA amal dasar 'pintu terbuka': Ting

GOPENG: Pintu MCA sentiasa terbuka kepada rakyat negara ini yang berketurunan Cina untuk menyertai parti berkenaan, kata Setiausaha Agungnya, Datuk Dr Ting Chew Peh.

Sehubungan itu, beliau berkata MCA bersedia menerima dua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Gerakan di Pulau Pinang, iaitu Lim Boo Chang (Datuk Keramat) dan Lim Chien Aun (Bayan Lepas) jika mereka berminat menyertai parti itu.

"MCA tidak akan memaksa sesiapa untuk menjadi ahli parti ini. Jika mereka berminat, kita mengalu-alukan kemasukan mereka.

"Kita juga tidak akan memancing ahli parti lain untuk menyertai MCA," katanya kepada pemberita selepas melawat Pasar Kopisan Baru, dekat sini, semalam.

Menurutnya, MCA berpegang kepada prinsip parti itu yang sentiasa mengamalkan dasar 'pintu terbuka' kepada masyarakat Cina negara ini yang berminat menjadi ahli.

Dr Ting berkata demikian ketika diminta mengulas kemungkinan MCA akan menarik dua Adun terbabit menyertai parti berkenaan.

Boo Chang dan Chien Aun yang melepaskan jawatan dan keahlian mereka dalam Gerakan dua hari lalu dilaporkan berkata mereka tidak bersetuju dengan kepemimpinan Gerakan Pulau Pinang yang gagal membawa sebarang pembangunan, termasuk dari aspek politik.

Mereka juga mendakwa jika kepemimpinan sedia ada dikekalkan, ia akan menyebabkan Pulau Pinang ketinggalan dari aspek pembangunan.

Peletakan jawatan dua Adun terbabit menyebabkan kerusi Gerakan di peringkat negeri berkurangan, menjadikan parti itu hanya mempunyai lapan kerusi, berbanding 11 untuk MCA (jika kedua-duanya menyertai MCA).

Dr Ting juga berkata, pihaknya menyerahkan kepada Jawatankuasa Pusat MCA sama ada menerima dua Adun terbabit menjadi ahli MCA jika mereka membuat permohonan.

Ditanya mengenai spekulasi Ketua MCA Pulau Pinang, Datuk Dr Sak Cheng Lum akan dilantik sebagai Ketua Menteri menggantikan Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berikutan peletakan jawatan dua Adun itu, Dr Ting berkata, terpulang kepada Pengerusi Barisan Nasional (BN) yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membuat keputusan.

(END)